

PEKDIS Laksana Ibadah Korban Berkelompok di Kawasan Perkarangan Pejabat MAQIS



Labuan: Pertubuhan Kegiatan Dakwah Islamiah Sekolah-sekolah (PEKDIS) Cawangan Labuan telah menganjurkan korban berkelompok di kawasan Perkarangan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) baru-baru ini.

Program Korban Berkelompok merupakan inisiatif PEKDIS dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) untuk mendekati masyarakat, memupuk semangat kerja berpasukan dalam kalangan warga Pendidikan selain dapat meraikan golongan kurang berkemampuan dan wajar diberi perhatian.

Sebanyak tiga ekor lembu telah dikorbankan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mengekang penularan wabak pandemik Covid-19 dalam suasana Perintah

Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)

Penyelaras Program Korban PEKDIS Ustaz Hj Sahrum bin Samlan berkata, bagi memastikan kelancaran program pihak urus setia sentiasa menitik beratkan garis panduan prosedur operasi standard (SOP) ibadah korban sebagaimana yang disarankan kerajaan bagi mencegah penularan wabak COVID-19.

Pihak pengajur menyediakan kaunter saringan kesihatan di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan 12 orang petugas, merekod kehadiran melalui aplikasi MySejahtera, memastikan petugas sentiasa memakai pelitup muka, apron plastik pakai buang (*disposeable apron*), sarung tangan getah serta pelindung muka (*face shield*) sepanjang proses melapah dan memotong daging korban berlangsung.



Gotong-royong: Petugas Korban bergotong-royong menguruskan proses menimbang, memotong dan membungkus daging korban.

“Alhamdulillah, kita berjaya menyelesaikan kerja-kerja menimbang, memotong, membungkus dengan cepat biarpun hanya melibatkan 12 orang petugas. Proses agihan kepada

50 orang asnaf dalam kalangan murid-murid sekolah sekitar wilayah Persekutuan Labuan berjalan lancar. Begitu juga agihan yang dilakukan oleh peserta korban sendiri untuk saudara mara dan jiran terdekat.”. katanya.

Sementara itu, Pengurus PEKDIS Cawangan Labuan Kamariah binti Salim berkata, pihaknya telah mendapat kebenaran untuk melaksanakan ibadah korban berkelompok daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (JAWI), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan pihak berkuasa tempatan.

“Sebagai manifestasi ubudiah kepada Allah s.w.t., PEKDIS Labuan telah merancang untuk mengadakan program korban ini sejak bulan Januari yang lalu dan pada hari ini ianya dapat dilaksanakan dengan jayanya.

“Alhamdulillah, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) telah membenarkan pelaksanaan program ibadah korban di Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2021 dengan SOP yang ketat serta pemantauan yang dilakukan oleh pihak Polis Di-Raja Malaysia (PDRM)”.



Ceria: Sebahagian daripada petugas korban ceria sepanjang

melaksanakan rotong –royong ibadah korban di kawasan perkarangan pejabat MAQIS.

“Sembelihan tiga ekor lembu berlangsung seawal jam 7.30 pagi iaitu selepas solat sunat Aidiladha yang adakan di Rumah Sembelih Ruminan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) begitu juga proses melapah.”

“Bagi proses menimbang, memotong dan membungkus pula telah dilaksanakan di kawasan Perkarangan Pejabat MAQIS bersebelahan dengan Pusat Sembelihan yang dikendalikan oleh 12 orang petugas yang terdiri daripada mereka yang telah selesai menerima 2 DOS Vaksin (Vaksin Lengkap).” ujarnya .

“PEKDIS menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas jalinan kerjasama yang sangat baik yang diberikan oleh pihak MAQIS sepanjang program ini berlangsung. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan pada masa akan datang”. katanya lagi.

Pelaksanaan Ibadah korban pada tahun ini sama seperti tahun lalu di mana tiada aktiviti masak-memasak seperti kebiasaan dilakukan. PEKDIS selaku pengajur program sentiasa mengamalkan dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Turut hadir di dalam program ini ialah Pengarah MAQIS Labuan Nazrul Azman Mat Rahim, Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Hj Abdul Rahman Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam Kamariah Salim.



Cenderamata: Nazrul Azman (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Kamariah dengan diperhatikan oleh Abdul Rahman.



Rakam kenangan: Kamariah (kanan), Nazrul Azman (dua dari kanan), Abdul Rahman (empat dari kanan) bergambar bersama pasukan pemantau SOP.



Pematuhan SOP: Sahrum berpakaian lengkap dengan apron, sarung tangan dan memakai pelitup separuh muka dan pelindung muka sepanjang pelaksanaan ibadah korban

Berita Oleh : Sektor Pendidikan Islam